

SEKITAR



EDISI 6 : 16 - 31 MAC 2016

BERSEDIA MENJADI *BLUE OCEAN LEADER*



Penginstitusian *Blue Ocean Leadership* @ JPA:
Sesi Hebahan Profil Kepimpinan Baharu

ms2



Majlis Makan Malam KSN Bersama-sama Peserta DPA

ms3



Majlis Makan Malam Beradat KPPA
Bersama-sama Peserta DPA

ms3



Majlis Persada Gemilang JPA 2016

ms4

Penginstitusian *Blue Ocean Leadership* @ JPA: Sesi Hebahan Profil Kepimpinan Baharu



PUTRAJAYA, 16 MAC 2016 - Penginstitusian Blue Ocean Leadership @ JPA: Sesi Hebahan Profil Kepimpinan Baharu anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah berlangsung di Auditorium JPA, Blok C1, Kompleks C, JPA Putrajaya. JPA merupakan agensi yang pertama mengaplikasikan Kepimpinan Lautan Biru atau *Blue Ocean Leadership* (B.O.L.) dalam

memperkasakan kepimpinan di setiap tahap pengurusan. Objektif program kali ini adalah untuk menghebahkan profil kepimpinan baharu bagi setiap peringkat pengurusan dan berkongsi cadangan membangunkan *Plan of Action* sebagai pra-syarat ke arah pelaksanaan kesemua *Key Leadership Activities*.

Majlis Makan Malam KSN Bersama-sama Peserta DPA



BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR, 21 MAC 2016 - Majlis Makan Malam KSN pada kali ini anjuran peserta Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) Tahun 2015 atau 'Lanteras' telah diadakan di Dewan Serbaguna INTAN Bukit Kiara. Bertemakan '*Ocean of Lights*', majlis ini merupakan kemuncak

kursus DPA Tahun 2015 yang telah berlangsung selama 12 bulan. Program ini diwujudkan sebagai platform bagi peserta untuk mempamerkan bakat dan menjadi platform untuk lebih mengenali dan menjalinkan rangkaian dengan ketua-ketua jabatan.

Lawatan Pegawai Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan



PUTRAJAYA, 22 MAC 2016 - Bahagian Sumber Manusia bersama-sama Pengurus Sumber Manusia di Bahagian dan Jabatan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan lawatan ke JPA. Tujuan lawatan ini adalah untuk membolehkan Pengurus Sumber Manusia Kementerian berinteraksi

bersama Pegawai di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); menjalinkan hubungan yang baik dengan Pegawai di JPA; dan memberikan pendedahan mengenai fungsi-fungsi utama Bahagian-Bahagian di JPA. Lawatan ini telah dihadiri seramai 26 orang dan diketuai oleh Puan Siti Normaliz binti Othman, Timbalan Setiausaha, Bahagian Sumber Manusia, KPKT.

Award of Excellence – JPA for HRMIS Deployment

22 Mac 2016 - *Award of Excellence – JPA for HRMIS Deployment* telah dianugerahkan kepada JPA bersempena dengan Malaysia OpenGov Leadership Forum 2016. Ini merupakan pengiktirafan terhadap kejayaan JPA dalam melaksanakan HRMIS yang merupakan salah satu dari projek rintis di bawah aplikasi Kerajaan Elektronik. Anugerah ini mengiktiraf kepimpinan, panduan dan nasihat yang telah diberikan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dalam mengemudi pelaksanaan HRMIS di seluruh sektor awam amnya dan JPA khususnya.

Anugerah ini membuktikan hasrat asal HRMIS bagi membolehkan perancangan dan pengurusan sumber manusia secara digital lebih terencana dan berkesan telah dapat dicapai. Pengiktirafan dari badan luar ini merupakan satu penghormatan kepada warga JPA setelah 17 tahun pelaksanaan HRMIS. Pencapaian ini adalah selaras dengan penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan terhadap HRMIS bagi memastikan ia sentiasa bersifat anjal dan responsif kepada cabaran semasa.

HRMIS telah melangkah setapak ke hadapan bermula dengan pelancaran HRMIS 2.0. pada 25 Mac 2015 yang lalu. Ia kemudiannya disusuli dengan pengenalan aplikasi mudah alih MyHRMIS Cuti, MyHRMIS Profile dan MyHRMIS eGL yang telah memberi nilai tambah kepada HRMIS 2.0. Pembangunan aplikasi ini telah menjadikan JPA sebagai peneraju pembangunan aplikasi mudah alih di dalam sektor awam. Selain itu, HRMIS sebagai Pangkalan Data Nasional Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam adalah satu komoditi maklumat yang sangat berharga kepada perkhidmatan awam. Justeru, JPA akan terus memanfaatkan teknologi Analitis Data Raya (*Big Data Analytic*) bagi mengoptimumkan penggunaan data-data HRMIS sebagai sumber rujukan utama penjawat awam dalam konteks penggubalan dasar, polisi dan pembuatan keputusan yang strategik.

Sesungguhnya, HRMIS di bawah kepimpinan YBhg. Tan Sri KPPA telah melakar sejarah baharu perkhidmatan awam Malaysia.



Majlis Makan Malam Beradat KPPA Bersama-sama Peserta DPA



BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR, 29 MAC 2016 - Majlis Makan Malam Beradat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bersama-sama Peserta Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN Tahun 2015 ini merupakan program rasmi yang dianjurkan sepertimana peserta kursus Diploma DPA dan kursus Kadet PTD sebelumnya. Majlis ini dianjurkan

untuk mewujudkan satu platform bagi peserta Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN Tahun 2015 untuk mendengar amanat dari Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam serta memberi suntikan semangat dan panduan kepada para peserta bagi menempuh alam pekerjaan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Kelak.

JPA4U Ceria 'Zumbalicious'

PUTRAJAYA, 30 MAC 2016 - Bahagian Pasca Perkhidmatan telah menganjurkan JPA4U Ceria 'Zumbalicious' bertempat di Gimnasium JPA. Program ini mendapat sambutan baik dari kalangan warga JPA dan telah mengetengahkan senaman Zumba dengan tenaga pengajar dari Adasandha Fitness, Seri Kembangan.

Program JPA4U Ceria 'Zumbalicious' ini merupakan sebuah program di bawah inisiatif JPA4U Ceria yang menekankan konsep '*work-life balance*' dan menyambut saranan dari amanat YBhg. Tan Sri KPPA 2016 yang bertemakan tahun keseronokan bekerja.



Majlis Persada Gemilang JPA 2016



PUTRAJAYA, 31 MAC 2016 - Majlis Persada Gemilang Jabatan Perkhidmatan Awam Tahun 2016 telah berlangsung di Auditorium JPA, Blok C1, JPA, Putrajaya. Majlis ini menyaksikan penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada warga JPA yang telah mempamerkan komitmen dan kualiti kerja yang terbaik sepanjang tahun 2015. Bagi tahun ini, seramai 212 orang penerima anugerah telah oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal sendiri.

Dalam ucap-tama beliau, YBhg. Tan Sri menyampaikan hasrat agar pengiktirafan anugerah ini akan menjadi pemangkin semangat kepada semua warga JPA untuk terus menyumbang idea dan tenaga kepada Jabatan dan seterusnya membangkitkan aspirasi kepada warga Jabatan untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang.



IKUTI KAMI



www.jpa.gov.my



Jabatan Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan Perkhidmatan Awam



@jpa2day

Blok C1, C2 & C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia. | Telefon : +603 8000 8000
Sumbangan Berita : Warga JPA | Penerbitan : Komunikasi Korporat | Percetakan : Unit Dokumentasi JPA

PENERAJU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM